

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 SEPTEMBER 2021

AKHBAR : BERITA HARIAN

Dua kementerian gabung tenaga bantu miskin bandar

Beras percuma menerusi mesin layan diri antara projek perintis KKMM, KPW

Kuala Lumpur: Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) berhasrat untuk bergabung tenaga dengan Kementerian Wilayah Persekutuan (KPW) bagi meringankan beban lebih 10,000 golongan miskin bandar.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Mu-

sa, berkata kerjasama itu antara lain membabitkan pengenalan projek perintis pemberian beras percuma menerusi mesin layan diri untuk golongan memerlukan di Rumah Prihatin di Hotel Grand Season yang dilancarkan semalam.

"Menerusi inisiatif ini golongan yang memerlukan boleh mendapatkan sekitar satu hingga lima kilogram beras secara percuma daripada sumbangan pelbagai pihak dan orang ramai," katanya pada sidang media sempena sambutan Malam Kasih Merdeka di sini, malam kelmarin.

Annuar yang juga pengasas Rumah Prihatin dan bekas Menteri Wilayah Persekutuan berkata, perancangan lain yang terbabit

termasuklah projek rintis bank mainan dan kemudahan penempatan sementara pesakit kanser dari luar ibu kota yang menjalani rawatan untuk tempoh masa panjang.

"Kita mahu Rumah Prihatin ini lebih dikenali agar lebih ramai yang datang menghulurkan bantuan, sekali gus lebih ramai golongan memerlukan ini menerima manfaat," katanya.

Program Rumah Prihatin@GrandSeasons, mula beroperasi 15 Julai lalu adalah satu inisiatif yang berkonsepkan hotel kebajikan untuk rakyat terkesan akibat COVID-19 khususnya kepada warga Wilayah Persekutuan seperti golongan miskin bandar dan yang menghadapi tekanan kesihatan mental.



Annuar melihat mesin layan diri beras percuma di Rumah Prihatin di Hotel Grand Season, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Mengulas lanjut, Annuar berkata, setakat ini pusat terbabit mampu menyediakan kira-kira 20 katil sebagai permulaan dan menerima 10 pesakit kanser dari Hospital Kuala Lumpur yang memerlukan penempatan sementara.

Majlis sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-64 itu turut dihadiri Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan timbalannya, Datuk

Seri Jalaluddin Alias.

Ia diadakan secara hibrid mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dan dimulakan dengan alunan zikir munajat dan doa selamat dipimpin Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan kemudian diserikan dengan persembahan artis tanah air yang mendaftar sebagai sukarelawan. BERNAMA